

Dr. Muhammad Said Ramadan Al-Buti

ISLAM HADHARI

DALAM PEMBANGUNAN INSAN

(Asas Kepada Pelaksanaan Islam Hadhari Di Malaysia)


Penterjemah:

Muhammad Ramzi Bin Omar

Penyunting:

YBhg Tan Sri Dato' Dr. Abd. Hamid Othman

709595
BUT



حفظ المدي


Yayasan Islam Hadhari



Projek Khas YAB Perdana Menteri



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



**JAWATANKUASA INDUK
ISLAM HADHARI PERINGKAT KEBANGSAAN
(PROJEK KHAS YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI)**

Penaung:

Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia

Penasihat Kehormat

Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Penasihat

Y.B Dato' Mustapa Mohamed
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Pengerusi

Y.Bhg Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman
Penasihat Agama Islam Bertaraf Menteri
Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Y.B Dato' Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Menteri Pelancongan Malaysia

Naib Pengerusi

Y.B Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya
Setiausaha Parlimen
Kementerian Kewangan Malaysia

Setiausaha

Y.Bhg Prof. Madya Dr. Ismail Bakar
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Y.B. Dato' Ahmad Husni Muhammad Hanadzlah
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat
Islam Hadhari

(Projek Khas Y.A.B. Perdana Menteri)
Y.Bhg Encik Abd. Aziz Abdullah

ISLAM HADHARI
DALAM
PEMBANGUNAN INSAN
(Asas kepada Pelaksanaan
Islam Hadhari di Malaysia)





**ISLAM HADHARI
DALAM
PEMBANGUNAN INSAN
(Asas kepada Pelaksanaan
Islam Hadhari di Malaysia)**

Penulis:
Dr. Muhammad Said Ramadan Al-Buti

Penterjemah:
Muhammad Ramzi Omar

Cetakan Pertama 2004



PUSTAKA PERDANA



1012113

Cetakan Pertama 2004
 Hakcipta © Yayasan Islam Hadhari, Malaysia. 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman, salinan foto dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
YAYASAN ISLAM HADHARI
 Pejabat Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri
 Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 Putrajaya
 Tel: 603-8888 3526 Faks: 603-8888 3121

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buti, Muhammad Said Ramadan

Islam hadhari dalam pembangunan insan: asas kepada pelaksanaan
 Islam hadhari di Malaysia / Muhammad Said Ramadan Al-Buti
 Penterjemah Muhamad Ramzi Omar.

ISBN 983-41807-0-8


1. Islam and states-Malaysia. 2. Islam and politics-Malaysia.

1. Muhammad Ramzi Omar. 11. Judul.

297.2709595

Diurus cetak oleh:
MASHI PUBLICATION SDN. BHD.
 8B, Bangunan Sri Pantai,
 Jalan Pantai Baru,
 Kuala Lumpur.





PERUTUSAN KHAS Y.A.B PERDANA MENTERI MALAYSIA

Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penerbit kerana telah berusaha untuk menterjemahkan buku "Islam Hadhari Dalam Pembangunan Insan -Asas Kepada Pelaksanaan Islam Hadhari Di Malaysia" ke dalam Bahasa Malaysia.


Kerja terjemahan ini adalah satu usaha untuk menampung karya-karya asal sedia ada berhubung dengan Islam Hadhari yang telah diterbitkan di dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah usaha kita untuk menggalakkan perbincangan dan perbahasan berhubung dengan Islam Hadhari di samping memperkayakan khazanah bahan penyelidikan berhubung gagasan Islam Hadhari.

Dr. Said Ramadan al-Buti ialah seorang ulama yang terbilang dan penulis yang prolific yang mengarang lebih empat puluh buku-buku sains, sosiologi dan falsafah keagamaan serta permasalahan tamadun Islam. Pilihan buku karangan beliau ini amatlah tepat dan bersesuaian sekali.

Tanggapan yang salah terhadap Islam bukan sahaja wujud di negara-negara Barat tetapi juga di kalangan umat Islam sendiri. Masing-masing seolah-olah menghadkan tafsiran Islam itu kepada juzuk-juzuk tertentu seperti perundangan atau muamalah sahaja. Tentunya ini tidak akan membantu untuk kita mempamerkan Islam sebagai satu cara hidup sejagat yang sesuai untuk semua zaman dan lebih penting mampu untuk menyelesaikan masalah kontemporari yang melanda umat manusia.

Gagasan Islam Hadhari adalah untuk membetulkan salah faham dan salah tanggapan ini. Oleh itu sementara perbincangan mengenainya amatlah digalakkan, usaha-usaha untuk menjayakannya perlu diberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari semua pihak. Ia mungkin mengambil sedikit masa tetapi yang pastinya ia bukan perkara mustahil.

Y.A.B Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia



KATA-KATA ALUAN Y.A.B TIMBALAN PERDANA MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah dan syabas kepada Yayasan Islam Hadhari selaku penerbit kepada buku ini di atas usahanya menterjemahkan buku '*Manhaj al-Hadharatul Insaniah Fi al-Quran*' karangan Dr Muhammad Said Ramadhan al-Buti ke dalam versi Bahasa Melayu.

Bertepatan dengan program pembaharuan minda yang dicetuskan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia maka lahirlah satu gagasan yang semakin popular dan menarik pemikiran dan fokus kita iaitu Islam Hadhari; istilah ini semakin signifikan dan bakal digerakkan secara besar-besaran di seluruh negara. Sesungguhnya ia merupakan *hasrat dan cita-cita yang murni YAB Perdana Menteri Malaysia* yang serius untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju, progresif, cemerlang, gemilang dan terbilang menurut kaca mata Islam yang sebenar.

Al-Hadhari ialah satu konsep yang berpaksikan gerakan kemajuan di dalam usaha meningkatkan kehidupan yang bertamadun telah menjadi agenda kerajaan. Oleh itu pihak agensi kerajaan dan swasta seharusnya mula menghayati konsep Islam Hadhari dan mengatur strategi dan bergerak dalam satu barisan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam maju menjelang tahun 2020.

Telah ramai pemimpin negara Islam dan bukan Islam menyanjung usaha kita mengasaskan semula konsep dan pelaksanaan konsep Islam Hadhari dengan bersungguh-sungguh dan menghayati cara hidup Islam di dalam negara yang berbilang kaum dan agama secara terbuka, moderat, dinamik dan praktikal berteraskan nilai-nilai kerohanian dan moral dengan jayanya.

Walaupun konsep Islam Hadhari ini baru diketengahkan secara serius namun usaha hendaklah dibuat bagi menyebarkan lagi konsep ini terutamanya menerusi strategi pendidikan dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat universiti. Justeru itu, amatlah diharapkan agar dengan tersebar-

buku ini, masyarakat dapat memahami konsep Islam Hadhari secara komprehensif dan progresif.

Oleh yang demikian bagi menjamin kemajuan, pembangunan dan ketamadunan yang unggul dan hebat maka pembangunan insan dan pembangunan fizikal hendaklah seiring bahkan diberi *priority* bagi menentukan tamadun yang akan dicapai itu bernilai di sisi Allah SWT. Inilah antara intipati yang terkandung di dalam buku ini yang seharusnya menjadi pedoman buat kita semua. Kepada semua pihak yang telah berusaha menterjemah dan menerbitkan buku ini diucapkan syabas dan tahniah. Semoga Allah SWT memberi ganjaran yang setimpal lagi diberkati.



Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



KATA-KATA ALUAN PENASIHAT YAYASAN ISLAM HADHARI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih kepada penerbit di atas kesudian mengundang saya menulis sepatah dua kata di dalam buku ini.

Penerbitan buku ini amat tepat pada masanya kerana Islam Hadhari yang selama ini digerakkan melalui seminar-seminar percambahan pemikiran secara *adhoc* di kalangan kakitangan awam melalui Pejabat Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri telah dijadikan sebagai Gagasan dan dasar di dalam pengurusan negara oleh Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Buku ini akan membuka minda dan pemikiran umat Islam di negara kita tentang sebab musabab mengapa tamadun Islam yang selama ini unggul dan terbilang telah malap dan luntur ditelan zaman. Maka jalan penyelesaian yang dikemukakan oleh penulis untuk mengembalikan keagungan tamadun Islam di dalam buku ini boleh dijadikan sebagai asas dan sumber pemikiran kepada semua pihak dan golongan di negara kita. Pendekatan ini tak lain dan tak bukan ialah melalui konsep Pembangunan Islam Hadhari.

Seluruh jentera perkhidmatan awam dan swasta di negara kita ini perlu jelas bahawa segala kegemilangan tamadun adalah hasil usaha secara tersusun dan bersama. Tidak terdapat pada mana-mana waktu pun tamadun dapat memberikan sumbangannya melalui usaha individu atau sekumpulan kecil manusia. Ia memerlukan kesatuan fikiran dan pendekatan.

Justeru, bagi menjayakan Gagasan Islam Hadhari dalam pengurusan negara, ianya memerlukan kerjasama yang menyeluruh di kalangan jentera perkhidmatan awam dan swasta. Saya berbangga dengan kerjasama setakat ini. Mudah-mudahan Islam Hadhari akan difahami dan dihayati sepenuhnya untuk membawa kejayaan cemerlang kepada negara dan rakyatnya.

Akhirnya selamat membaca dan salam hormat dari saya. Wassalam.

Dato' Mustapa bin Mohamed
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Merangkap Penasihat
Yayasan Islam Hadhari



PENGANTAR PENERBIT

Buku ini pada asalnya ditulis oleh Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti dalam versi Bahasa Arab bertajuk "*Manhaj al-Hadharah al-Insaniah fi al-Quran*". Kemudian Yayasan Islam Hadhari dengan kerjasama Angkatan Muda Dakwah Malaysia (AMUD) telah mengambil inisiatif menterjemahkan buku ini ke dalam Bahasa Melayu serta menerbitkannya dengan sedikit pindaan tajuk, iaitu "Islam Hadhari Dalam Pembangunan Insan (Asas Kepada Pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia)".

Pemikiran yang dilontarkan secara ilmiah oleh penulis di dalam buku ini dari segi pembangunan insan serta bagaimana sesuatu tamadun manusia itu boleh bangun dan jatuh, amat sesuai dijadikan sebagai asas percambahan pemikiran kepada seluruh umat Islam di Malaysia bagi membangunkan semula kegemilangan tamadun Islam di dunia ini. Bertepatan dengan langkah kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk melaksanakan Islam Hadhari dalam pengurusan negara, maka buku terjemahan ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada seluruh kakitangan perkhidmatan awam untuk memulakan langkah bagi melaksanakan pengurusan yang berkonsepkan Islam Hadhari di jabatan masing-masing.

Penulis di dalam buku ini telah memberi fokus kepada dua aspek keunggulan tamadun manusia: Pertama, bagaimana kecekapan manusia mengeksploitasi khazanah serta sumber kekayaan yang ada di bumi. Kedua, dengan pertarbiahan manusia itu sendiri sebagai hamba Allah (akhlak Islamiyah). Di samping itu tamadun manusia hanya akan terbina dengan wujudnya tiga elemen atau rukun tamadun yang asasi: Manusia, kehidupan dan alam semesta.

Manusia - Yang dimaksudkan dengan manusia atau kewujudan manusia dalam konteks ini ialah akal, pemikiran dan nuraninya (ruh).

Kehidupan - Iaitu umur yang dimiliki oleh manusia.

Alam Semesta - Segala unit alam yang berbagai-bagai di bumi ini yang dijadikan Allah untuk manfaat manusia.

Sebab itulah penulis telah mendefinisikan tamadun (hadharah) dalam tulisannya sebagai hasil tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan demi kebahagiaan dan kesenangan manusia.

Di dalam buku ini juga penulis telah mengemukakan kupasan mengenai tulisan seorang penulis orientalis wanita dari Jerman iaitu Zigrid Honke dalam bukunya "Mentari Tuhan Menyinari Dunia Barat". Zigrid Honke telah membuat perbandingan yang subjektif antara manifestasi tamadun Islam yang bergemilang dari sudut ilmu dan keinsanan dengan realiti dunia Barat (ketika itu) yang mundur dari sudut ilmu dan keinsanan (peradaban).

Zigrid dalam tulisannya mengemukakan persoalan: "Apakah rahsia besar yang menyebabkan tamadun Islam dapat memberikan hasilnya di kalangan umat yang sebelum itu bagaikan bahan mentah yang tidak pernah disentuh oleh tangan peradaban atau kemajuan sosial? Kemudian apa pula faktor yang menyebabkan ia pupus dalam kehidupan umat ini sehinggakan hari ini umat itu berada dalam keadaan kemunduran?"

Di dalam buku ini, Dr Muhammad Said Ramadan al-Buti akan mengupas dan memperincikan jawapan kepada persoalan yang telah dikemukakan oleh penulis berkenaan (Zigrid Honke). Salah satu jawapan yang dikemukakan oleh penulis ialah tentang kesilapan para cendekiawan umat Islam di dalam memahami tafsiran ayat berikut :

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ

ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Terjemahan:

Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

(Surah al-Kahfi : 18: 46)

Kesilapan umat Islam kini ialah mentafsirkan zahir ayat ini sahaja dengan kefahaman bahawa manusia tidak ada pilihan kecuali mengambil dunia sekadar untuk menampung keperluan asasi, meneruskan kehidupan atau menggalas perut (sifat zuhud). Lantaran itu mereka mentafsirkan sifat zuhud bukan dengan tafsiran yang betul. Mereka meninggalkan aspek pembangunan lalu berhijrah ke tempat jauh yang terasing. Dijadikan gua-gua sebagai tempat bertapa tanpa mengambil tanggungjawab untuk urusan perbelanjaan keluarga yang

diharapkan oleh ahli keluarga kepada mereka. Kemudian mereka mendakwa bahawa itulah pengertian zuhud yang diperintahkan oleh ayat-ayat al-Quran tersebut.

Bagi merungkai salah tafsiran umat Islam terhadap sifat zuhud berkenaan, maka penulis telah mengemukakan penjelasannya dengan berhujah: Kalau semua orang menyokong tafsiran zuhud berkenaan, maka terbatalah perintah Allah melalui firman-Nya:

هُوَ أَنشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Terjemahan:

Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.

(Surah Hud: 11: 61)

Justeru untuk merealisasikan usaha pemakmuran muka bumi ini dari sudut zahir dan batinnya tentulah perlu dilakukan dengan cara mempergunakan unit-unit alam yang pelbagai ini dengan menundukkannya dan mengambil manfaat daripadanya.

Penulis menjelaskan seterusnya bahawa ayat-ayat di mana Allah menyebutkan yang dunia ini sangat hina tidak sepatutnya difahami sebegitu tanpa dicantumkan dengan ayat-ayat lain yang Allah terangkan kewajipan manusia dalam berinteraksi dengan dunia ini. Justeru, supaya kita tidak tergelincir kepada fahaman yang salah ini dengan memahami al-Quran separuh konteksnya, maka penulis telah mendatangkan ayat lain yang memperjelaskan maksud sebenar tuntutan syariat Allah melalui firman-Nya:

وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ

Terjemahan:

Dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu.

(Surah al-Qasas: 28: 77)

Dalam dua bab terakhir buku ini penulis telah mengutarakan dua persoalan dan jawapannya kepada kita tentang hakikat pembangunan insan (hadharah): Mengapa tamadun Islam menjadi kaku, dan tamadun Barat menjadi gemilang? Antara sebab mengapa tamadun Islam menjadi kaku ialah kerana berleluasanya pemikiran khurafat di kalangan umat Islam serta ketaksuban dan terbelenggunya gerakan pemikiran (ijtihad).


Akhirnya, penulis merumuskan di akhir penulisannya tentang konsep

hadharah yang hakiki (pendekatan Islam Hadhari) di dalam membangunkan semula keagungan tamadun Islam. Bentuk penyelesaian yang dikemukakan oleh penulis di bab terakhir dalam buku ini ialah seperti berikut:

1. Umat Islam mesti mempunyai keinginan yang tinggi untuk berusaha mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam.
2. Membasmi perpecahan dan sebabnya. (Syarat ini menyusul sebagai syarat kedua secara langsung selepas syarat pertama).
3. Jiwa dan fikiran yang stabil– Bekerja bersungguh-sungguh untuk membendung apa sahaja sebab yang membawa kecelaruan jiwa dan fikiran yang melanda sebahagian besar umat Islam masa kini (berfahaman sempit, kepuak-puakan dan taksub).
4. Hendaklah ada rasa saling mempercayai di antara pelbagai sektor umat (meliputi golongan pemerintah, ulamak dan rakyat/umat).
5. Mengeksploitasi medium pendidikan dengan sokongan semua faktor dan alat bantunya (keilmuan dan kepakaran dalam semua disiplin ilmu pengetahuan).

Demikianlah serba sedikit sinopsis dan kerangka pemikiran yang disampaikan oleh penulis dalam buku ini. Kerangka pemikiran dan juga falsafah pembangunan insan menurut hakikat sebenar tuntutan al-Quran yang dirumuskan di dalam buku ini boleh dijadikan sebagai asas kepada pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia.

“Selamat Membaca dan Salam Sejahtera”



Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman
Pengerusi Yayasan Islam Hadhari
(Editor)
Ogos 2004

PENDAHULUAN

1

MEMBICARAKAN TENTANG SUMBANGAN TAMADUN TANPA MENYENTUH FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDANNYA

Tamadun Islam merupakan persoalan yang kerap dibincangkan oleh para penulis dan pengkaji dewasa ini, sama ada yang muslim atau bukan muslim. Kebanyakan hasil karya yang diketengahkan serta bidang pemikiran yang disebarkan memfokuskan kepada perbincangan yang berulang-ulang tentang tamadun Islam dan sejauh mana kepentingan pada zaman kegemilangannya.

Akan tetapi perkara utama yang dijadikan sasaran kajian para penulis tersebut menyentuh tentang sumbangan yang telah dihulurkan olehnya serta kekaguman terhadap beberapa manifestasi dan kesan-kesan warisannya. Hal itu tidak lebih sebagai satu penerangan secara deskripsi terhadap ilmu pengetahuan yang berkembang pesat pada zaman tersebut seperti ilmu perubatan, falsafah, pembangunan, industri dan pelbagai jenis ilmu yang menarik.

Inilah maklumat yang anda perolehi melalui perpustakaan tamadun Islam yang pada hari ini menyimpan puluhan karya besar, sederhana dan ringkas serta pelbagai artikel yang ditulis oleh penulis-penulis muslim, orientalis dan selain mereka. Semua karya tersebut menyentuh tentang tamadun Islam dalam bentuk deskripsi yang menarik. Biasanya karya tersebut akan memfokuskan kepada perasaan kagum dan terpesona. Adakalanya karya-karya tersebut turut didatangkan dengan lukisan-lukisan dan gambar-gambar yang dipercayai. Dengan itu ia lebih menampakkan keyakinan melebihi sekadar rasa kagum dan pengagungan terhadapnya.

Saya percaya teknik penceritaan tamadun Islam yang sebegini akan menimbulkan pelbagai kemusykilan dalam benak pemikiran para pembacanya, malah menimbulkan banyak masalah pula. Cara penceritaan sebegini akan

membuat pembaca (di sebalik rasa kagum terhadap manifestasi tamadun Islam walau bagaimana jua kegemilangannya) tersentak; apa sebabnya mereka patut merasa kagum dengan tamadun tersebut? Ini kerana mana-mana pembaca akan mendapati di sebalik kehebatan fakta sejarah yang diamatinya mendorongnya untuk bertanya apa sebabnya tamadun yang begitu bergemilang kini sudah ketinggalan setelah suatu masa dahulu ia tampil ke hadapan. Mengapa ia menjadi begitu kaku setelah jarak masa yang lama ia membangun dan bergemilang. Persoalan itu dengan sendirinya mengambil alih tempat kekaguman dan rasa besar terhadap tamadun tersebut selagi pembaca belum menemui jawapan terhadap persoalan yang bermain di fikirannya.

Saya masih ingat bagaimana seorang penulis berbangsa Jerman (Zigrid Honke) yang menulis buku berjudul "Mentari Tuhan Menyinari Dunia Barat". Dalam bukunya dimuatkan pembentangan yang menarik tentang sebahagian besar sumbangan yang telah diberikan oleh tamadun Islam. Namun tidak lama selepas penerbitan buku tersebut bertubi-tubi persoalan oleh para pembaca dari segenap arah diajukan dengan nada yang sama: Apa rahsianya sehinggakan tamadun tersebut gemilang sampai begitu sekali, dan apa pula sebabnya (kini) ia dibakul sampahkan?

Tentang jawapan yang diberikan oleh penulis Jerman tersebut kepada para pembacanya, serta tahap mutu jawapan yang diberikannya dalam menyentuh hakikat sebenar, akan anda temui secara terperinci dalam buku ini di tempatnya nanti.

Saya rasa berkewajipan untuk menerima pandangan yang dikemukakan oleh penulis seperti Malek ben Nabi rahimahullah. Dalam kebanyakan kajiannya tentang tamadun Islam beliau mengambil pendekatan mencungkil sehingga ke akar umbi serta mencari perkaitan antara tamadun tersebut dengan komunitinya. Namun demikian cara yang beliau lakukan merentasi jalan yang panjang sehingga menjadikan pembaca terpaksa melalui berbagai tahap dalam bentuk teori semata-mata, sebelum anda menarik tangannya untuk menunjukkan secara amali di manakah kunci yang hilang yang menjadi pencariannya selama ini. Jika anda menggunakan kunci itu dan memutarakan di depan mukanya maka terbukalah laluan untuknya mencapai tamadun Islam yang lahir semula dalam bentuk baru. Dengan kunci itulah pembaca akan dapat melaksanakan peranannya untuk mengukuhkan tamadun Islam dengan sempurna sebagaimana yang telah dilakukan oleh generasi silam.

Saya percaya punca utama yang menimbulkan kekusutan ini ialah kajian tambahan yang dilakukan oleh Malek ben Nabi rahimahullah melalui tulisannya yang berjudul "Kesan Pemikiran Agama Dalam Pembentukan Tamadun" sebagai edisi tambahan kepada buku sebelumnya yang berjudul "Syarat Kebangkitan". Kajian tambahan ini dilakukan dengan tujuan untuk memberikan jawapan terhadap banyak persoalan yang ditimbulkan oleh para belia serta para penuntut secara khusus (seperti yang diungkapkan oleh beliau). Kebanyakan jawapan yang

dikemukakan menampakkan keinginan beliau untuk kembali membincangkan fasal-fasal yang telah disentuh dalam pentafsiran sejarah berkaitan kelahiran tamadun Islam secara lebih panjang lebar. Dengan cara itu para belia dapat menanggapi apakah kewajipan moral yang perlu mereka tunaikan demi mendapatkan semula kebangkitan (umat Islam) dengan cara menghulurkan sumbangan untuk mereformasikan tamadun Islam yang agung itu. Malek ben Nabi mengucapkan terima kasihnya kepada mereka (para belia) atas kepekaan yang ditunjukkan oleh mereka. Justeru, sebagai memenuhi kehendak mereka beliau pun menulis fasal tambahan dalam bukunya "Syarat Kebangkitan". Namun setelah membaca fasal tambahan itu saya masih meragui sama ada ia benar-benar telah memberikan jawapan yang memadai atas persoalan yang dibangkitkan oleh para belia itu.

2

MENDISKUSIKAN PANDANGAN SCHIBENGLER TENTANG USIA TAMADUN

Pembentangan tamadun Islam dalam bentuk deskripsi sebegini menyebabkan ramai penyelidik muslim cenderung untuk memperakui pandangan yang diutarakan oleh seorang failasuf Jerman (Schibengler) di mana kesimpulan pandangannya meletakkan mana-mana tamadun sekalipun memiliki tenaga seumpama tenaga yang ada pada tubuh badan manusia. Maknanya, tenaga itu pada mulanya lahir dalam bentuk yang agak lemah, kemudian ia menjadi kuat. Tidak lama kemudian ia kembali semula menjadi lemah dan mati. Jadi, tenaga beransur-ansur menjalani proses yang dilaluinya disebabkan oleh faktor dirinya sendiri. Oleh itu usaha untuk mengkaji faktor luaran yang menimbulkan keberansuran tahap-tahap yang dilalui oleh tenaga itu sebagai kajian yang tidak berfaedah dan pencarian terhadap sesuatu yang tidak mungkin ditemui.

Pada hakikatnya berpegang dengan pendapat ini memang satu-satunya kecenderungan kepada orang yang tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang struktur pembentukan alam semesta ini. Orang ini tidak dapat memahami sedikitpun tentang sunnah dan aturan alam semesta yang Allah jadikananya sejajar dengan fitrah kejadian hamba-hamba-Nya. Pandangan seperti yang dipegangi oleh Schibengler tak ubah seperti pandangan gantian akibat pupusnya pengetahuan tentang rahsia ketuhanan di kalangan golongan tersebut yang hanya memahami sesuatu perkara berdasarkan kepada zahirnya. Mereka tidak menyelidiki sunnah dan aturan alam yang diciptakan oleh Maha Pencipta langit dan bumi. Maha pencipta itulah juga yang mencipta fitrah manusia mengikut seperti yang dikehendaki-Nya.

Sungguh mendukacitakan apabila pandangan sebegini turut dikongsi oleh orang Islam sendiri. Padahal merekalah orangnya yang memiliki kunci bagi membuka teka-teki tersebut. Mereka lah yang berupaya untuk mempersembahkan

kunci tersebut kepada para pemikir di kalangan umat dan bangsa yang lain. Namun apabila mereka turut sama berpandangan seperti itu maka ia merupakan satu malapetaka yang tidak sepatutnya mereka terjebak ke dalamnya.

Antara sebab utama yang memudahkan sangkaan yang meleset ini meresap ke dalam diri mereka ialah kerana cara pemikiran yang merbahaya ini telah merebak luas dalam penulisan tentang tamadun Islam dan sejarahnya. Walau pun begitu ia tidak boleh dijadikan alasan untuk membenarkan mereka terus-menerus berada dalam aliran kefahaman yang berasaskan sangkaan palsu yang tidak disokong oleh logik dan demonstrasi akal.

Kita memiliki al-Quran sebagai kitab Allah dan penerangan daripada-Nya. Semua orang Islam yang sebenar meyakini tentang kenyataan ini. Al-Quran dibacakan ke pendengaran umat Islam pagi dan petang, dan pada setiap kali adanya upacara tertentu. Sayangnya mereka mendengar bacaan al-Quran tetapi tidak mentadabbur dan mengamatinya. Kitab ini sentiasa dibaca berulang kali ke pendengaran umat Islam. Ia berulang kali menyebutkan bagaimana jalan-jalan yang diaturkan oleh Allah dalam menundukkan (mempermudahkan) alam semesta ini kepada hamba-hamba-Nya. Al-Quran menerangkan kepada mereka jalan-jalan bagaimana urusan memimpin dunia ini diletakkan di bawah penguasaan manusia. Al-Quran terus menerus memperkenalkan kepada manusia tentang kegelinciran moral yang menyebabkan (kemanusiaan) mereka hilang serta merendahkan martabat kepimpinan mereka dalam memakmurkan muka bumi ini. Al-Quran memberikan amaran jangan sampai mereka terjebak dalam kegelinciran ini. Ia memberikan peringatan bahawa mereka akan menanggung risiko dan padah yang buruk jika meremeh-remehkan hal ini.

Bagaimana mungkin kita dapat menerima alasan mereka yang membiarkan dirinya mengikut membabi buta musuh-musuh mereka sendiri dalam membicarakan tentang tamadun Islam melalui kajian-kajian dalam bentuk deskripsi yang mati? Setelah mereka berusaha membuat pengkajian tentang faktor-faktor yang dapat membangunkan semula kemuliaan tamadun mereka serta sebab-sebab keruntuhan dan bertukarnya tamadun itu menjadi sisa runtuhan, akhirnya mereka tidak menemui jawapan selain pandangan-pandangan yang sejajar dengan pandangan Twenpy dan Schibengler. Jadi, bagaimana mungkin kita dapat menerima alasan mereka?

3

SEBAB BUKU INI DITULIS

Apa yang disebutkan ini merupakan salah satu daripada beberapa permasalahan dalam kebudayaan Islam yang sedang ditanggung keperitannya oleh realiti pemikiran Islam masa kini. Inilah faktor terpenting yang mendorong penulis untuk mencoretkan fasal-fasal dalam buku ini.

Perbincangan dalam buku ini sebelum ini merupakan isi kandungan ucapan

ucapan ringkas yang saya sampaikan terus dari ingatan dalam rancangan Televisyen Arab Syria pada bulan Ramadan tahun 1399. Sejak dari itu saya telah menerima reaksi dari ramai orang yang mengikuti ucapan-ucapan tersebut. Mereka menyatakan minat yang mendalam agar ucapan-ucapan itu dibukukan di bawah judul: "Metodologi Tamadun Manusia dalam al-Quran" dengan harapan ditonjolkan metode yang dilakarkan oleh al-Quran bagaimana untuk melahirkan tamadun manusia yang unggul memandangkan al-Quran ternyata benar memuatkan metodologi yang saling lengkap melengkapi tentang pewujudan tamadun manusia.

Saya sangat yakin bahawa permasalahan yang saya bangkitkan dalam perenggan 1 dan 2 merupakan faktor besar yang menimbulkan minat para pendengar. Sebagaimana permasalahan ini sendiri menjadi faktor utama saya melayani kemahuan saudara-saudara tersebut seterusnya mendorong saya untuk menulis buku ini yang fasal terakhirnya berjaya saya selesaikan dengan taufik dan hidayah Allah sejak beberapa minggu lalu.

Saya tidak mendakwa bahawa usaha untuk mencungkil metode yang saling lengkap melengkapi tentang tamadun manusia terunggul daripada kitab Allah memerlukan usaha besar dan ketekunan yang terus menerus. Malah saya tidak ragu bahawa usaha itu lebih mudah untuk dilakukan. Ini kerana prinsip-prinsip berkaitan metode tersebut serta tahap-tahapnya telah dibentangkan oleh al-Quran dengan sangat jelas. Siapa sahaja yang mahu membaca dan mentadabburkannya dapat menyelidiki dan mendapatkan kefahaman berkaitan tamadun manusia dengan kefahaman yang paling baik.

Tetapi setakat pengetahuan saya sehingga ke hari ini metode yang saling lengkap melengkapi ini tidak ada dimuatkan dalam mana-mana buku atau penyelidikan ilmiah yang komprehensif. Paling tinggi yang disentuh oleh penulis-penulis lain dalam usaha menangani subjek ini hanyalah menyebutkan beberapa penyelesaian juz'ie yang berkecamuk di sana sini untuk membebaskan diri daripada bencana kemunduran serta melakukan pendakian semula melalui tahap-tahap tamadun manusia dan tamadun Islam yang didambakan. Sedangkan penyelesaian secara juz'ie (kalau pun betul) tidak dapat memberikan manfaat melainkan jika penyelesaian itu didatangkan secara teratur. Maksudnya penyelesaian yang berupaya melahirkan satu kaedah rawatan yang menyeluruh, iaitu seperti yang telah digariskan kepada kita oleh al-Quran.

4

BIBIT KELAHIRAN TAMADUN MANUSIA TERUNGGUL

Adalah penting kita mengetahui bahawa bibit-bibit tamadun manusia terunggul sentiasa seiring dengan bibit-bibit pentarbiahan manusia terunggul. Ini kerana tamadun manusia tidak lebih selain daripada hasil usaha kerjasama di kalangan manusia. Kerjasama itu ialah dalam ruang lingkup bagaimana mereka

mengeksploitasi khazanah dan sumber kekayaan yang ada di bumi. Prinsip-prinsip yang membentuk usaha ini pula terpamer melalui manhaj pentarbiahan yang saling lengkap melengkapi. Dengan manhaj itu manusia menerima pertanggungjawaban sama ada sebagai individu atau satu anggota dalam komunitinya.

Kalau al-Quran telah mengasaskan kepada kita manhaj yang saling lengkap melengkapi untuk mewujudkan tamadun yang terunggul ini, maka ini bererti ia juga turut mengasaskan manhaj yang saling lengkap melengkapi tentang prinsip pentarbiahan manusia. Dengan ungkapan yang lebih jelas, al-Quran telah mengasaskan kepada kita teori pendidikan manusia terunggul yang saling lengkap melengkapi.

Sengaja saya menyebutkan begini untuk menarik perhatian mereka yang mendakwa telah membuat penyelidikan tetapi gagal untuk menemui prinsip yang saling lengkap melengkapi serta sesuai dibentuk manhaj pendidikan Islam yang sempurna, atau teori pendidikan Islam yang sempurna adalah lahir daripada kaca mata al-Kitab dan al-Sunnah. Saya ingin menarik perhatian mereka bahawa manhaj pendidikan yang lengkap melengkapi sememangnya wujud. Tetapi kewujudannya tidaklah seperti yang mereka sangkakan iaitu konon kewujudannya tak ubah seperti emas yang tersembunyi di tengah-tengah tanah yang berdebu. Lantaran itu ia memerlukan usaha keras serta kemahiran yang tinggi untuk menemuinya supaya dapat dikeluarkan dan dipersembahkan untuk tatapan umum. Ternyata pandangan itu tidak benar. Malah kewujudan manhaj ini sangat terang dan nyata melalui lembaran-lembaran al-Quran kitab Rabbani yang bermukjizat. Siapa pun yang menatapinya tanpa melakukan pengamatan yang halus dapat melihat al-Quran sebagai prinsip-prinsip pendidikan yang bersepadu dan saling lengkap melengkapi.

Malangnya mereka mengatakan: Kami telah mencari, tetapi tidak menemuinya. Sebenarnya mereka tidak mencarinya sama sekali, namun mereka terus mengulang-ulang kenyataan itu pada setiap keadaan. Bagaimana kita dapat mempercayai bahawa mereka benar-benar telah mencarinya, padahal mereka tidak pun membaca al-Quran secara menyeluruh, walaupun sekali seumur hidup? Malah saya tidak ragu lagi bahawa di kalangan mereka itu ada yang tidak mengenali al-Quran yang menjadi pegangannya melebihi pengetahuannya tentang Taurat dan Injil. Dalam benaknya tidak tersangkut ayat-ayat al-Quran melebihi petikan-petikan Taurat dan Injil yang dihafalnya.

Kalau mereka mahu membuat pengamatan yang serius terhadap al-Quran maka akan timbul satu kejutan ilmu yang menyedihkan, iaitu ketidakupayaan lidahnya untuk menuturkan ayat-ayat al-Quran dengan baik, apatah lagi untuk memahami kandungan isi dan menyelami pengertian-pengertiannya. Ini kerana sepanjang usia perceburan dalam dunia pengetahuan, mereka tidak pernah berusaha untuk mempelajari hakikat al-Quran sebagai kitab Rabbani atau berusaha membacanya dengan pembacaan yang betul.

Sayangnya mereka terus berkeras kononnya telah mencari tetapi tidak menemui apa-apa yang boleh dinamakan sebagai prinsip teori pendidikan yang saling lengkap melengkapi di dalam kitab Allah. Saya ingin mengatakan kepada golongan ini (saya percaya di kalangan mereka ada yang jujur untuk menemukan manhaj pendidikan manusia yang lengkap melengkapi dalam kitab Allah): Kamu boleh menemui manhaj yang kamu cari itu dalam fasal-fasal kajian ini yang saya persembahkan kepada sidang pembaca sekalian, dengan syarat kamu membacanya dengan penuh minat dan menyeluruh.

Kalau kamu telah berbuat demikian, dan menemui apa yang kamu cari selama ini, maka tibalah masanya kamu balik kepada kitab Allah secara serius untuk memulakan semula dalam bentuk baru penerokaan dalam dunia pengetahuan. Dengan itu kamu akan dapat mengenali hakikat dan kandungannya (al-Quran) serta meningkatkan kemahiran dari segi pembacaan dan kefahamannya. Setelah itu bangunlah melaksanakan tanggungjawab penting yang dipertanggungjawabkan kepada kamu oleh pemilik kitab yang agung ini, dengan cara beriltizam dengan hukum-hakamnya serta menghayati manhajnya. Begitu juga dengan memainkan peranan kita dalam aspek tamadun yang menjadi kemuliaan bagi kita. Hal tersebut telah dilaksanakan oleh generasi silam kita sebagaimana yang sepatutnya, sayangnya kita telah berpaling daripadanya dengan seburuk-buruk pemalingan. Agak anda bilakah impian ini dapat direalisasikan oleh umat Islam? Bilakah mereka akan menyedari bahawa ilmu pengetahuan mereka yang berbagai-bagai itu tidak ada ertinya kalau sekadar terperosok dalam ruang lingkup kajian terhadap identiti dan ketulenannya tanpa digerakkan oleh kefahaman yang sebenar tentang kitab Tuhan mereka, iaitu kitab yang mengajarkan mereka bagaimana untuk hidup dan berinteraksi dengan unit-unit alam, manusia dan kehidupan? Itulah persoalannya. Mungkin jawapannya bakal ditemui besok hari, tetapi esok bukanlah suatu masa yang panjang.

Muhammad Said Ramadan al-Buti

Damsyik

20 Jamadil Arwwal 1401 / 25 Mac 1981



KANDUNGAN

PERUTUSAN KHAS		
Y.A.B PERDANA MENTERI MALAYSIA		vii
KATA-KATA ALUAN		
Y.A.B TIMBALAN PERDANA MENTERI		viii
KATA-KATA ALUAN		
PENASIHAT YAYASAN ISLAM HADHARI		x
PENGANTAR PENERBIT		xi
PENDAHULUAN		xv
Membicarakan Tentang Sumbangan Tamadun Tanpa Menyentuh Faktor-faktor Kewujudannya		xv
Mendiskusikan Pandangan Schibengler Tentang Usia Tamadun		xvii
Sebab Buku Ini Ditulis		xviii
Bibit Kelahiran Tamadun Manusia Terunggul		xix
Bab 1	Pengenalan: Tamadun dan Elemennya	1
Bab 2	Bagaimana Al-Quran Mempertanggungjawabkan Manusia Membina Tamadun?	7
Bab 3	Bagaimana Al-Quran Memberi Pedoman Dalam Pembangunan Insan	20
Bab 4	Tiga Elemen Asas dalam Pembangunan Insan	27
	Elemen Pertama: Hakikat Insan	
	Menurut Al-Quran?	27
	Elemen Kedua: Kehidupan Manusia	
	Menurut Al-Quran?	52
	Elemen Ketiga: Alam Semesta	
	Menurut Al-Quran	83
Bab 5:	Makrifah Menurut Al-Quran	135
Bab 6:	Mengapa Tamadun Islam Menjadi Kaku, dan Tamadun Barat Menjadi Gemilang?	154
Bab 7:	Bagaimana Tamadun Islam Dapat Bangkit Semula?	177
Penutup		198



PENGENALAN

TAMADUN DAN ELEMENNYA

Saya rasa tidak perlu membicarakan secara panjang lebar tentang definisi tamadun (*hadharah*) seperti yang biasa dilakukan oleh penulis-penulis lain. Apatah lagi sampai sekarang pun saya belum menemui satu pentakrifan yang ilmiah dan terperinci tentangnya, walaupun banyak definisi tentangnya dimuatkan dalam pelbagai buku.

Kepada pembaca daripada membahaskan secara panjang lebar, lebih baik saya bentangkan perbincangan tentang tamadun dan subjeknya dengan memfokuskan kepada dua fakta berikut:

Fakta pertama: Ruang lingkup tamadun (walau apa takrif pun yang diberikan) berkisar di sekitar usaha-usaha yang dilakukan oleh manusia untuk beralih daripada corak kehidupan kepedalaman yang serba ringkas kepada corak kehidupan moden yang serba kompleks. Perkataan *hadharah* (tamadun) yang berasal daripada kata "*hadhar*" dari segi bahasa adalah lawan kepada perkataan "*badawah*" (kepedalaman/kebadwian), iaitu dari segi maksud yang identik serta ciri-ciri yang terdapat padanya. Hubungan antara pengertian bahasa dan istilah bagi perkataan *hadharah* (tamadun) adalah sangat jelas.

Pengertian *hadharah* itu semakin luas skopnya apabila komunitinya semakin jauh daripada corak hidup kepedalaman

dan ciri-cirinya, serta apabila mereka mula terbabit dengan gaya hidup masyarakat maju dan bertindak balas dengan kesan dan natijahnya.

Fakta kedua: Bertolak daripada asas tersebut perkataan *hadharah* (tamadun) bolehlah ditakrifkan sebagai: Hasil tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan.¹

Yang pastinya tindak balas minimum dalam takrif tersebut kelihatan melalui usaha yang dilakukan oleh komuniti di mana-mana kawasan pedalaman dalam rangka usaha mereka untuk mengukuhkan komuniti mereka dalam beberapa acuan pembangunan yang terancang. Secara mudahnya usaha ini mestilah berasaskan kepada bagaimana mempergunakan umur yang ada (iaitu yang kita ungkapkan dengan perkataan kehidupan) untuk mempergunakan semua manifestasi unit alam yang berbagai-bagai demi kebahagiaan dan kesenangan manusia.

Justeru, tamadun tidak lebih daripada hasil-hasil usaha yang dilakukan oleh manusia untuk mengeksploitasi unit-unit alam yang berada di sekitarnya. Tujuannya ialah untuk merealisasikan segala keperluan dalam masyarakat manusia serta menyebarkan faktor-faktor kebaikan dan kebahagiaan di kalangan manusia.

Oleh itu, elemen atau rukun tamadun yang asasi kelihatan melalui

¹ Saya rasa tidak perlu untuk membuat perbandingan antara takrif ini dengan takrif-takrif yang diguna pakai oleh penulis-penulis lain. Pada pandangan saya walaupun perkataan dan ungkapan yang digunakan agak berbeza namun tamadun tidak boleh terkeluar daripada satu pengertian atau hampir-hampir sama. Walaupun demikian saya merasa hairan dengan takrif yang dipegangi oleh al-Syeikh Abu al-'A'la al-Maududi rahimahullah dalam bukunya (*al-Hadharah al-Islamiyyah, Ususuha wa Mabadi'uha*). Beliau mengemukakan takrif yang agak ganjil, mungkin beliau seorang sahaja yang berpegang dengan takrif itu. Beliau menganggap tamadun bererti himpunan prinsip, akidah, idea dan konsep pendidikan yang melahirkan satu gaya hidup sosial dengan kepelbagaian komponennya. Tamadun berdasarkan takrif ini adalah sifat kepada manusia dan komuniti, bukannya suatu acuan yang kekal di atas muka bumi. Berdasarkan takrif ini tamadun boleh hilang apabila hilangnya manusia yang memiliki sifat-sifat tersebut sekalipun setelah ketiadaan mereka masih ada kesan-kesan yang ditinggalkan. Kami berpendapat takrif ini tidak berdasarkan kepada istilah-istilah dan kaedah-kaedah sosial yang dipersetujui. Pada saya prinsip, akidah dan idea tidak lebih sekadar asas, dan titik tolak kewujudan tamadun.

tiga induknya iaitu: Manusia, kehidupan dan alam semesta.

Yang dimaksudkan dengan manusia atau kewujudan manusia dalam konteks ini ialah akal, pemikiran dan nuraninya.

Kehidupan yang kami maksudkan (seperti yang telah kami jelaskan) ialah umur yang dimiliki oleh manusia. Mungkin dengan menggunakan perkataan umur atau kehidupan lebih mendalam pengertiannya berbanding dengan perkataan “zaman”. Ini kerana zaman membawa signifikan yang tersendiri sekalipun tidak dihubungkan dengan manusia. Tetapi jika diungkapkan dengan perkataan zaman maka dalam konteks ini ia bermaksud dimensi masa yang terbentang luas di mana manusia wujud dan menggunakan kehidupan dan pemikirannya di atas jarak dimensi itu. Dan dimensi itu diungkapkan dengan perkataan kehidupan atau umur.

Yang kami maksudkan dengan alam semesta ialah segala unit alam yang berbagai-bagai yang berupaya dipergunakan oleh manusia. Perkataan alam merupakan ungkapan yang ilmiah jika kita mahu mengaitkan antara lafaz dan pengertiannya secara yang lebih halus. Ia lebih tepat digunakan berbanding perkataan tabii (semulajadi) yang tidak jelas untuk dijadikan asas pegangan dari sudut ilmiah. Begitu juga perkataan “tanah” juga tidak boleh disama ertikan dengan perkataan alam atau unit alam. Lainlah kalau dimaksudkan penggunaan makna sebahagian untuk maksud keseluruhan. Apa pun, penggunaan perkataan-perkataan ini dalam definisi² yang dikemukakan tidak penting bagi kita. Yang jelasnya manusia adalah elemen paling penting daripada ketiga-tiga elemen tamadun ini. Ini kerana manusia adalah elemen yang bertindak dan mempengaruhi sedangkan alam dan kehidupan (dua elemen seterusnya) menerima tindak balas dan terpengaruh (menerima kesan). Ini bererti manusia merupakan pusat pembangunan alam dalam kehidupan dunia, disebabkan ia (manusia) dikurniakan nikmat pemikiran dan pandangan yang mendalam. Semua yang ada di sekitar manusia bertindak sebagai sebab-sebab yang berselerakan di sana sini yang

² Pemikir besar, Malik ben Nabi rahimahullah ketika membicarakan tentang tamadun dan elemennya dalam buku-bukunya memilih perkataan zaman sebagai maksud umur dan perkataan tanah sebagai maksud alam. Kami rasa tidak mungkin beliau maksudkan tanah itu dengan bumi semata-mata sekalipun itulah maksud yang jelas terserlah melalui pilihannya (ia adalah pemilihan yang agak ganjil) dalam bukunya “Syarat Kebangkitan”.

dipermudahkan untuk manusia. Apabila manusia melihat kepada sebab-sebab itu maka ia mendapat pedoman untuk menjalankan misinya yang besar, lalu dipergunakan sebab-sebab itu bagi mencapai impian dan matlamatnya.

Setelah selesai menerangkan pengertian *hadharah* (tamadun) dan elemen-elemennya, maka terserlahlah kepada kita hakikat bahawa tamadun dan objektif atau apa yang dijangkakan lahir daripadanya tidak semestinya ada perkaitan dengan prinsip kebenaran dan kebaikan bagi manusia. Adakalanya sesuatu tamadun menjadikan kebenaran dan kebaikan sebagai pedomannya lalu ia berjaya merealisasikan. Adakalanya sesuatu tamadun tidak menjadikan prinsip itu sebagai pedomannya lalu ia membelakangkannya. Ini kerana tamadun (seperti yang kita bincangkan) tidak lebih sebagai hasil kerja buat yang bersumber daripada pemikiran manusia, iaitu bagaimana mereka hendak mendapatkan manfaat daripada kelengkapan-kelengkapan alam semesta yang berselerakan di sekitarnya. Justeru perkara-perkara berikut sebenarnya tidak ada kaitan dengan erti perkataan tamadun iaitu:

1. Adakah manusia yang menggembelng usahanya untuk mempergunakan kelengkapan-kelengkapan alam ini diberikan taufik supaya penggunaannya mendatangkan manfaat kepada kemanusiaan secara umum?
2. Mungkinkah manusia mempergunakan kelengkapan-kelengkapan alam ini dengan cara yang tidak berfaedah?
3. Adakah andaian-andaian dalam menjawab persoalan ini juga termasuk dalam batasan pengertian tamadun? Atau;
4. Adakah perlu diletakkan syarat-syarat tertentu supaya usaha-usaha itu layak mendapat jolokan nama ini (tamadun)?

Ini kerana mungkin terdapat suatu tamadun meniup kencang kebahagiaan semua umatnya serta menghapuskan semua jalan keamanan dan kemewahan yang dikecapi oleh umatnya. Mungkin ada tamadun yang berupaya mengangkat suatu bangsa tertentu ke tahap kebahagiaan dan kemewahan yang paling tinggi. Sedangkan

antara kedua-dua tamadun ini terhasil daripada faktor yang sama iaitu kedua-duanya adalah hasil tindak balas manusia bersama alam dan kehidupan, tanpa memandang kepada bagaimana hasil itu dan kesan-kesannya sama ada memudaratkan atau memanfaatkan.

Mungkin saudara pembaca merasa hairan: Adakah terdapat suatu tamadun yang hanya mendatangkan keburukan semata-mata? Mungkin anda akan berkata: Bukankah pengetahuan tentang alam semesta dan jalan-jalan untuk mengambil manfaat daripadanya hanya mendatangkan kebaikan kepada manusia seluruhnya?

Sebagai jawapannya: Bencana yang dibawa oleh tamadun kepada manusia berpunca salah satu daripada dua sebab?

Pertama: Kebodohan jiwa dan hawa nafsu manusia. Biasanya hawa nafsu jika dibiarkan dengan tabiatnya akan mendorong tuannya melakukan kezaliman dan kejahatan sewenang-wenangnya. Hawa nafsu menyemarakkan api kejahatan dan fitnah di muka bumi ini. Maka tatkala itu potensi ilmu dan kekuasaan manusia menjadi senjata yang dipergunakan oleh tuannya untuk menambahkan lagi maraknya api kejahatan tersebut.

Kedua: Manusia sejak dulu sampai kini masih mencari-cari hakikat tentang kebaikan dan kejahatan tanpa berjaya menemuinya. Dalam pencarian itu mereka tersesat disebabkan terjebak gejala hal-hal yang bersifat relatif. Juga disebabkan mereka tidak bersependapat dalam menerima neraca yang tetap buat mengukur mana yang baik dan mana yang buruk. Akibatnya, usaha-usaha mewujudkan tamadun hanya menjadi uji kaji yang saling bercanggah antara satu sama lain dalam banyak hal. Iaitu dalam usaha untuk menentukan mana yang baik dan membahagiakan manusia.

Bertolak daripada dua sebab inilah timbulnya apa yang kita namakan sebagai permasalahan tamadun dalam sejarah kehidupan manusia. Akhirnya ternyata bahawa masyarakat manusia dalam banyak period yang dilaluinya menanggung derita hasil usaha-usaha yang bercorak tamadun dan ilmiah, iaitu penderitaan yang melebihi kebahagiaan yang diharapkan.

Masalah itu tidak boleh diselesaikan melainkan dengan kembali

ISLAM HADHARI DALAM PEMBANGUNAN INSAN

Hadharah (tamadun) bolehlah ditakritkan sebagai: Hasil tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan - tujuannya ialah untuk merealisasikan segala keperluan dalam masyarakat demi untuk kebaikan dan kebahagiaan di kalangan manusia.

Persoalannya ialah bagaimana tamadun itu terbina? Apakah rahsianya ia menjadi stabil dan mantap? Kemudian, bagaimana pula tamadun Islam menjadi runtuh dan malap, sehinggakan hari ini umat Islam berada dalam keadaan mundur? - Inilah antara persoalan yang akan dikupas oleh penulis di dalam buku ini.

Kemunduran tamadun Islam kerana sikap orang Islam sendiri yang menutup pintu dan tidak mahu berlapang dada menerima tamadun-tamadun lain, di samping tertutupnya pintu ijtihad disebabkan ketaksuban dan terbelenggunya gerakan pemikiran. Umat Islam perlu mengambil ilmu pengetahuan tanpa mengira dari mana datangnya ilmu tersebut kerana sikap itu menunjukkan kebijaksanaan.

Allah tidak menjanjikan untuk memberikan pertolongan kepada orang-orang yang lemah dan tertindas untuk dijadikan sebagai pemimpin dan ketua. Sebaliknya Allah akan mengurniaknya kepada mereka yang mampu menguasai ilmu kehidupan dan unit-unit alam di sekitarnya sejajar dengan peranannya sebagai khalifah - memakmurkan bumi ini berasaskan kepada konsep Islam Hadhari.

Bagaimana Tamadun Islam dapat bangkit semula? - usaha membebaskan umat Islam daripada kemundurannya perlulah dilakukan dalam bentuk berkumpulan yang mewakili majoriti umat Islam tanpa membezakan persekitaran dan kedudukan mereka.



RM 25.00

ISBN 983-41807-0-8

